

PERDANA MENTERI SANJUNG SIKAP RAIS YATIM

KUALA LUMPUR 24 Mac — Langkah Menteri Luar, Datuk Rais Yatim memberikan sokongn terbukanya kepada regu Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam mendapat sanjungan dari Perdana Menteri. Saya menyanjung sikap Datuk Rais yang terbuka itu kerana beliau benar - benar berani. "Datuk Rais sahaja orang yang berani berbuat

demikian," katanya semasa menjawab pertanyaan para pemberita selepas merasmikan satu seminar di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau menyanjung sikap seperti itu walaupun sokongan tersebut bukan diberikan kepadanya.

"Selain dari Datuk Rais siapa lagi yang berani?" Tanya Perdana Menteri. Ketika diminta mengulas dakwaan bahawa beberapa orang menteri akan meninggalkan kabinet, Perdana Menteri berkata, beliau belum mendengar kenyataan itu dari mulut menteri - menteri berkenaan.

"Selama ini kenyataan itu dibuat oleh orang lain dan bukan oleh menteri - menteri berkenaan," katanya.